



**TITAH UCAPAN BALAS
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
DI MAJLIS SANTAPAN NEGARA OLEH
YANG MAHA MULIA MAHARAJA AKIHITO
DAN MAHARANI MICHIKO**

**DI ISTANA MAHARAJA, TOKYO
3 OKTOBER 2012**

Yang Maha Mulia Paduka Adinda Maharaja Akihito,
Yang Maha Mulia Paduka Adinda Maharani Michiko,
Tuan-tuan Yang Terutama,
Dif-Dif yang dihormati,
Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

Beta dan Raja Permaisuri Agong ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Paduka Adinda Maharaja dan Maharani di atas kata-kata mesra bagi mengalu-alukan kunjungan Beta ke Jepun. Beta juga ingin mengucapkan setulus ikhlas terima kasih kepada Paduka Adinda Berdua, kerajaan dan rakyat Jepun di atas layanan mesra dan baik serta persiapan rapi yang telah dilakukan sejak ketibaan Beta dan delegasi ke Jepun. Ia merupakan satu penghormatan besar bagi Beta untuk menerima jemputan mengadakan kunjungan ke negara yang indah ini. Sememangnya Beta amat terpesona dengan keramahan dan kemesraan rakyat Jepun.

2. Beta masih ingat pertemuan dengan Paduka Adinda Berdua di London pada bulan Mei yang lalu semasa Ulangtahun Jubli Intan Ratu Elizabeth Kedua. Sesungguhnya pertemuan tersebut telah mengeratkan lagi hubungan mesra peribadi Beta dengan Paduka Adinda Berdua. Pertemuan di London itu telah mengimbuai kembali kenangan pertemuan dengan Paduka Adinda Berdua pada masa yang lalu. Beta masih ingat lagi betapa istimewanya kunjungan Paduka Adinda Berdua ke Malaysia sebanyak tiga kali, iaitu sebagai Putera Mahkota dan Puteri Mahkota Jepun pada tahun 1970 dan juga sebagai Maharaja dan Maharani Jepun pada tahun 1991 dan tahun 2006. Beta pastinya berasa gembira dan berbesar hati untuk memberikan penghormatan kepada Paduka Adinda Berdua yang tidak asing lagi kepada Malaysia. Dengan itu, Beta yakin bahawa kunjungan negara Beta ke Jepun ini akan mengeratkan lagi jalinan persahabatan dan persepakatan di antara kedua-dua buah negara.

3. Sememangnya keindahan bumi sakura yang kaya dengan budaya ini sentiasa menjadikan Jepun sebuah negara yang menarik untuk dikunjungi.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kedudukan tersohor Jepun di kalangan komuniti antarabangsa terus menjadi inspirasi kepada Malaysia. Beta sentiasa mengagumi keunikan pembangunan, kemajuan teknologi dan kemodenan Jepun. Meskipun rakyat Jepun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran berikutan bencana gempa bumi yang melanda Timur Laut Jepun pada tahun lepas, Beta yakin dan percaya bahawa Jepun akan terus kekal berdaya saing dan teguh sebagai antara negara yang terunggul di dunia.

Paduka Adinda Berdua,

4. Beta berbesar hati dengan hubungan akrab di antara Malaysia dan Jepun yang sentiasa mengukuh dan mesra sejak hubungan diplomatik terjalin 55 tahun yang lalu. Hakikatnya, hubungan di antara rakyat kedua-dua buah negara telah mula terjalin sejak lebih lima abad yang lalu iaitu sejak dari zaman Kesultanan Melaka dan Kerajaan Ryukyu (*ri-yu-ki-yu*). Beta juga berbesar hati melihat sejarah hubungan baik ini telah berkembang dengan pembangunan positif dan kerjasama substantif di dalam pelbagai bidang; termasuk perdagangan, pelaburan, pendidikan, pelancongan, pembangunan sumber manusia, pertukaran budaya dan sains dan teknologi.

5. Sememangnya hubungan ekonomi masih menjadi tunggak kepada hubungan duahala. Beta gembira mengetahui bahawa Jepun adalah pelabur terbesar di Malaysia pada masa kini. Pelaburan Jepun ini telah membuka banyak peluang pekerjaan bagi rakyat Beta dan telah memajukan pembangunan industri negara.

6. Tahun ini sangat signifikan kepada kedua-dua buah negara memandangkan ia menandakan Ulangtahun ke-30 Dasar Pandang ke Timur Malaysia. Beta berbesar hati untuk memaklumkan kepada Paduka Adinda bahawa sejak pelancaran dasar ini 30 tahun yang lalu, lebih kurang 15,000 rakyat Malaysia telah dihantar untuk mengikuti pengajian dan latihan di universiti-universiti dan syarikat-syarikat Jepun.

7. Dasar Pandang ke Timur ini juga memainkan peranan penting dalam mencetus program pertukaran budaya dan belia di antara kedua-dua buah negara. Program pertukaran seperti JENESYS (*je-ne-sis*) dan Kizuna (*ki-zu-na*) telah berjaya mewujudkan jalinan persahabatan, persefahaman dan perpaduan teguh dikalangan belia kedua-dua buah negara. Beta yakin bahawa jalinan persahabatan di antara generasi muda ini akan memastikan hubungan harmoni di antara kedua-dua buah negara berterusan di masa hadapan.

Tuan-tuan Yang Terutama,
Dif-Dif yang dihormati,
Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

8. Dengan ini, Beta ingin menjemput semua hadirin untuk bersama-sama Beta mengucapkan selamat kepada Paduka Adinda Maharaja Akihito dan Maharani Michiko agar dipanjangkan umur dan sentiasa berada dalam keadaan sejahtera dan semoga persahabatan di antara Malaysia dan Jepun berkekalan selamanya.

Sekian, terima kasih.